2 - 2004_6 pt_2.fm Page 62 Monday, August 9, 2004 3:12 PM

Pendakwa Raya lwn Abu Hashim bin Saud dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (ALOR STAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–26 TAHUN 2002
ZAINAL ADZAM PK
21 JANUARI 2004

Acara Jenayah — Hukuman — Pemilikan dadah berbahaya — Tertuduh-tertuduh telah dituduh di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 — Tertuduh pertama mempunyai kesabitan terdahulu — Tertuduh kedua seorang juvana — Sama ada mahkamah patut mengenakan hukuman maksima terhadap tertuduh-tertuduh — Akta Dadah Berbahaya 1952, ss 6, 6B(3), 39A(2); Kanun Acara Jenayah s 289; Kanun Keseksaan s 34

Kedua-dua tertuduh telah dituduh memiliki dadah berbahaya, cannabis seberat 290.42g, di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta itu') yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta itu dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Tertuduh-tertuduh telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan tersebut dan telah mengaku sebagai benar fakta-fakta kes dan barang-barang kes. Pihak pendakwaan telah mengemukakan rekod kesabitan terdahulu tertuduh pertama dan ia menunjukkan bahawa tertuduh pertama telah disabit di bawah s 6B(3) Akta itu kerana telah menanam pokok ganja. Tertuduh pertama, didalam kes itu, telah dihukum penjara seumur hidup dan sebatan rotan 6 kali. Didalam kes ini, tertuduh pertama telah dihukum penjara seumur hidup tetapi dikecualikan di bawah s 289 Kanun Acara Jenayah daripada hukuman sebatan kerana umurnya telah melebihi 50 tahun. Tertuduh kedua pula seorang juvana.

Diputuskan, menjatuhkan hukuman maksima di bawah s 39A(2):

(1) Dalam menjatuhkan hukuman sedemikian mahkamah telah mengambilkira beberapa perkara dalam kes ini seperti kepentingan awam yang sentiasa perlu diutamakan dan dilindungi daripada ancaman dadah merbahaya. Masalah dan ancaman dadah berbahaya masih dihadapi dan berleluasa di negara ini walaupun berbagai usaha telah dibuat. Sebab utamanya ialah aktiviti-aktiviti orang-orang seperti tertuduh kedua dalam kes ini (lihat perenggan 4 dan 5).

(2) Walaupun tertuduh kedua telah mengaku salah dalam kes ini pengurangan hukuman antara $^1/_4$ hingga $^1/_3$ kepada tertuduh yang telah mengaku salah ke atas pertuduhan seperti di dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 tidak terpakai kepada tertuduh pertama berasaskan beberapa perkara. Antaranya ialah kesabitan terdahulu tertuduh pertama atas kesalahan menanam ganja dan hukuman penjara seumur hidup dan dikenakan hukuman sebatan rotan enam kali (lihat perenggan 6).

(3) Tambahan lagi, tertuduh pertama telah disabitkan bersama tertuduh kedua yang merupakan seorang juvana. Penglibatan para remaja seperti ini merupakan punca utama masih merebaknya masalah dadah berbahaya. Berasaskan perkara-perkara tersebut di atas mahkamah berpendapat bahawa adalah menjadi tugas dan kewajipan mahkamah untuk mengenakan hukuman yang maksima di bawah s 39A(2) Akta itu untuk menjadikan kes ini sebagai amaran dan teladan supaya orang-

2 - 2004_6 pt_2.fm Page 63 Monday, August 9, 2004 3:12 PM

orang lain tidak melibatkan diri dengan kesalahan yang serupa (lihat perenggan 6 dan 7).

[**English summary**

Both the accused persons were charged for possession of dangerous drugs, cannabis weighing 290.42g, under s 6 of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') punishable under s 39A(2) of the Act and read with s 34 of the Penal Code. The accused persons pleaded guilty to the charges and admitted to the facts and items of the case. The prosecution adduced the record of convictions of the first accused person and it showed that the first accused person had been convicted under s 6B(3) of the Act because of growing ganja plants. The first accused person, in that case, was sentenced to life imprisonment with 6 strokes of the rotan. In this case, the first accused person was sentenced to life imprisonment but was exempted from whipping as he was over 50 years. The second accused was a juvenile.

Held, imposing the maximum sentence under s 39A(2):

(1) In imposing the sentence, the court took into consideration several matters in this case, for example, public interest that had to be given priority and had to be protected from the threat of dangerous drugs. The problem and threat of dangerous drugs is still being faced and is rampant in this country although efforts have been taken. The main cause are the activities of persons such as the second accused in this case (see paras 4 and 5).

(2) Although the second accused person pleaded guilty in this case, a reduction of the sentence by 1/4 to 1/3 to the accused person who pleaded guilty to the charge as in Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor [1988] 1 MLJ 167 could not be applied to the first accused person based on several matters. Among them are the previous conviction of the first accused person for growing ganja plants and the life imprisonment and the 6 strokes of the rotan (see para 6).

(3) In addition to that, in this case the first accused person was convicted with the second accused person who was a juvenile. The involvement of teenagers such as this is the main source of the spread of the problem of dangerous drugs. Based on these matters, the court is of the opinion that it is its duty and responsibility to impose the maximum sentence under s 39A(2) of the Act to serve as a warning and example so that other people would not get involved with such crimes (see paras 6 and 7)].

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pemilikan dadah berbahaya, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 3347-3351.

Untuk hukuman, lihat 18 *Halsbury's Laws of Malaysia*, perenggan [310.469] – [310.507]

2 - 2004_6 pt_2.fm Page 64 Monday, August 9, 2004 3:12 PM

Kes-kes yang dirujuk

Loh Hock Seng & Anor v Public Prosecutor [1980] 2 MLJ 13 (dirujuk)
Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor [1988] 1 ML] 167 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 6, 6B(3), 39A(2),
Kanun Acara Jenayah s 289
Kanun Keseksaan s 34

Sarala Pillai (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak Pendakwa Raya.
Tertuduh bagi pihak diri sendiri.

Zainal Adzam PK:

[1] Alasan penghakiman ini adalah berkenaan tertuduh pertama yang telah memfailkan notis dan petisyen rayuan daripada Penjara Alor Star pada 27 Januari 2004. Dalam kes ini kedua-dua tertuduh telah dihadapkan kemahkamah di atas pertuduhan memiliki dadah berbahaya, iaitu cannabis seberat 290.42g, di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta itu') yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama dibaca bersama dengan s 34 Kanun Keseksaan. Kedua-dua tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut pada 21 Januari 2004 dan telah juga mengakui sebagai benar fakta kes yang telah dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya serta kesemua barang-barang kes.

[2] Fakta kes yang telah dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya adalah seperti berikut:

> Pada 10 November 2001, jam lebih kurang 5.45 petang, bertindak di atas satu maklumat, pengadu Cif Inspektor Mohd Zaki bin Mahmood bersama sepasukan anggota polis dari Bahagian Narkotik, IPD Kuala Muda telah membuat serbuan ke atas sebuah rumah No. F-713, Padang Temusu, Sungai Petani, Kedah.
>
> Apabila sampai di rumah tersebut, pengadu terus masuk ke dalam rumah berkenaan melalui pintu dapur yang tidak berkunci. Pengadu memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis dan memberitahu kepada penghuni rumah itu yang dia ingin membuat pemeriksaan.
>
> Di dalam rumah itu terdapat lapan orang lelaki dan seorang perempuan yang berada di ruang tengah dapur rumah itu. Semasa itu mereka sedang bercakap antara satu sama lain. Pengadu telah mendapati ada satu ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja berada di tengah-tengah ruang dapur itu di tempat penghuni-penghuni rumah itu berada. Ketulan mampat itu dibalut dengan plastik jernih dan terdapat kesan potong pada ketulan itu. Di sebelah ketulan mampat itu terdapat satu beg plastik warna merah yang mana apabila diperiksa oleh pengadu ia mengandungi ketulan-ketulan kecil daun-daun kering disyaki ganja. Kesemua barang-barang kes ini dirampas oleh pengadu dan sembilan orang penghuni ditangkap dan dibawa balik ke balai polis untuk siasatan lanjut. Mereka yang ditangkap termasuklah kedua-dua OKTdi dalam kes ini.
>
> Pengadu telah membuat satu laporan polis iaitu Laporan Polis Sungai Petani No: 13652-61/2001. Barang-barang kes kemudian telah dihantar ke Jabatan Kimia

2 - 2004_6 pt_2.fm Page 65 Monday, August 9, 2004 3:12 PM

Pulau Pinang untuk dianalisa oleh pegawai penyiasat kes ini iaitu Cif Inspektor Ismail bin Daud. Hasil analisa mendapati bahan-bahan tersebut adalah Cannabis seberat 290.42g.

Siasatan lanjutnya mendapati rumah berkenan adalah tinggalan pusaka ayah OKT 1 (Abu Hashim bin Saud). OKT tinggal di rumah tersebut. Dari percakapan yang dirakam dari tangkapan lain bersama OKT 1 dan 2 pada hari itu didapati OKT 1 dan 2 yang memilikki bahan cannabis tersebut.

Siasatan menunjukkan kedua-dua OKT ini tidak mempunyai kebenaran untuk memiliki cannabis tersebut. Oleh yang demikian kedua-dua mereka didapati melakukan satu kesalahan di bawah s 6 Akta Dadah Berbahaya dan boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama.

[3] Pihak pendakwaan telah mengemukakan rekod kesabitan terdahulu tertuduh pertama daripada Jabatan Pendaftar Jenayah. Ianya menunjukkan bahawa tertuduh pertama telah disabit oleh Mahkamah Sesyen Alor Star pada 30 November 1981 di bawah s 6B(3) Akta itu kerana menanam pokok ganja. Dalam kes tersebut tertuduh pertama telah dikenakan hukuman penjara seumur hidup mulai 17 Februari 1981 dan dikenakan sebatan rotan enam kali (Kes No. SAC 10/1981). Bagi kes ini, selepas rayuan mitigasi yang ringkas oleh tertuduh pertama serta penghujahan oleh timbalan pendakwa raya, tertuduh pertama telah dihukum penjara seumur hidup (hukuman maksima dibawah s39A(2) tersebut) mulai daripada tarikh dia ditangkap (10November 2001). Tertuduh pertama dikecualikan di bawah s 289 Kanun Acara Jenayah daripada hukuman sebatan kerana pada tarikh sabitan dia telah melebihi umur 50 tahun.

[4] Dalam menjatuhkan hukuman sedemikian saya telah mengambilkira beberapa perkara yang terdapat dalam kes ini. Pertama sekali ialah kepentingan awam yang sentiasa perlu diutamakan dan dilindungi daripada ancaman dadah merbahaya. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Loh Hock Seng & Anor v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 13, di ms 14 telah mengambil perhatian mengenai ancaman ini melalui penghakiman Raja Azlan Shah HB (Malaya) (semasa Baginda pada masa itu) seperti berikut:

> Notwithstanding the several convictions for trafficking in drugs that have been secured, the rampancy of this type of offence still continues unabated with sequential impetus to related offences under the Ordinance, and in view of the current and continuing upsurgence of indulgence in dangerous and deleterious drugs and offences relating to and connected therewith, we feel the time has now come for some vigorous element of deterrence to be brought to bear upon those trafficking in drugs, both active and potential, who are no less than engineers of evil and pedlars of death, to the intent and extent that intending offenders should be made to desist and be deterred, that those one step ahead and in the course of promoting or participating in such heinous activity should realise the extremely grave consequences they face, stop dead in their tracks, repent and resile, and that those who, notwithstanding still pertinaciously persist and have the misfortune of being apprehended, should know they are in for the punishment prescribed by law to fit the crime. As was said by Abdoolcader J, in *Tan Boon Liat v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1976] 2 MLJ 83 trafficking in drugs strikes at the very core of public order, and he went on to add (at page 88):
>
> 'Trafficking in drugs is a crime which also affects public health and public safety and can indeed be the spawn or nidus of crimes that ultimately result in violence or at least have a shattering effect on public tranquility and society generally.'

2 - 2004_6 pt_2.fm Page 66 Monday, August 9, 2004 3:12 PM

[5] Hingga ke hari ini masalah dan ancaman dadah berbahaya masih dihadapi dan berleluasa di negara ini walaupun berbagai usaha telah dibuat. Sebab utamanya ialah aktiviti-aktiviti orang-orang seperti tertuduh kedua dalam kes ini.

[6] Walaupun tertuduh kedua telah mengaku salah dalam kes ini saya berpendapat bahawa pengurangan hukuman antara 1/4 hingga 1/3 kepada tertuduh yang telah mengaku salah ke atas pertuduhan sepertimana yang disarankan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 tidak terpakai kepada tertuduh pertama berasaskan beberapa perkara. Antaranya ialah kesabitan terdahulu tertuduh pertama atas kesalahan menanam ganja dan hukuman penjara seumur hidup dan dikenakan hukuman sebatan rotan enam kali. Jelas bahawa hukuman maksima yang amat berat bersama hukuman sebatan itu tidak menjadi pengajaran langsung kepada tertuduh pertama untuk menjauhi daripada terlibat dengan aktiviti dadah berbahaya. Masyarakat umum perlu dilindungi daripada orang seperti tertuduh pertama ini. Tambah lagi dalam kes ini tertuduh pertama telah disabitkan bersama tertuduh kedua yang merupakan seorang juvana. Penglibatan para remaja seperti ini merupakan punca utama masih merebaknya masalah dadah berbahaya. Sebagai orang berumur dan pernah pula disabitkan atas kesalahan berkaitan dadah berbahaya dan dipenjara serta disebat, tertuduh pertama sekarang telah melibatkan pula seorang juvana dalam aktiviti-aktiviti dadahnya. Dengan latarbelakang kesabitannya tertuduh pertama dia sepatutnya menasihati tertuduh kedua menjauhi daripada aktiviti-aktivitinya yang merupakan kesalahan yang serius di sisi undang-undang.

[7] Berasaskan perkara-perkara tersebut di atas saya berpendapat bahawa adalah menjadi tugas dan kewajipan saya untuk mengenakan hukuman yang maksima di bawah s 39A(2) Akta itu untuk menjadikan kes ini sebagai amaran dan teladan supaya orang-orang lain tidak melibatkan diri dengan kesalahan yang serupa.

Hukuman maksima di bawah s 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 diperintahkan.

Dilaporkan oleh Chew Phye Ken